

15/10/1997

Kementerian beri tumpuan terhadap muzik

KUALA LUMPUR, Selasa - Kementerian Pendidikan memberi penekanan utama terhadap muzik dalam kurikulum pendidikan rendah dan menengah kerana pendidikan muzik boleh membangunkan insan.

Menterinya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata bermula tahun ini kementerian mewajibkan 20 sekolah mengadakan kelas muzik dan 30 sekolah berasrama penuh digalakkan menubuhkan kumpulan orkestra.

Menurutnya, lebih banyak guru yang mengetahui cara menggunakan alat muzik dan boleh menyanyi diberi peluang latihan.

"Kita tidak mahu orang ramai menganggap muzik tidak penting dalam kehidupan kerana dalam falsafah pendidikan, muzik menjadi penyumbang kepada pembangunan insan seimbang.

"Kementerian akan terus melatih guru dan pensyarah yang berkebolehan untuk melatih pelajar meminati seni muzik," katanya ketika merasmikan Kolej Muzik Antarabangsa (Icom) di sini, malam ini.

Pada majlis itu, Najib mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Icom. Turut hadir ialah Pengerusi Icom, Tan Sri Dr Murad Mohd Noor dan ahli lembaga majlis Icom termasuk Tan Sri A P Arumugam.

Icom yang ditubuhkan pada November 1995 adalah kolej swasta pertama di rantau ini yang menawarkan kursus muzik kontemporari.

Najib turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman di antara Icom dengan Kolej Muzik Berklee, Amerika Syarikat dan Universiti Westminster, United Kingdom.

(END)